



HASSAN MOHD. NOOR (tiga dari kiri) bersama **Mohd. Abdullah**, **Mohd. Azrul Muhammad Isa** dan **Azizan Ahmad** (dua dari kiri) dalam Pertandingan Memancing Terbuka Pesta Konvokesyen USIM di Nilai, Negeri Sembilan, semalam. Turut hadir **Muhammad Fauzi Ahmad** (kiri), **Ahmad Nazmee Adnan** (dua dari kanan) dan **Rosman Zulkifli**. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

Tangkapan patin bawa pulang RM5,000

SEREMBAN 8 Nov. - Tangkapan ikan patin seberat 9.27 kilogram (kg) menobatkan **Mohd. Abdullah**, 41, selaku juara Pertandingan Memancing Terbuka Pesta Konvokesyen USIM Ke-13 di Tasik USIM, Nilai dekat sini.

Kejayaan pemancing dari Beranang, Selangor itu membolehkannya meraih hadiah wang tunai RM5,000 dengan menewaskan lebih 300 peserta yang menyertai pertandingan itu.

Tempat kedua yang menawarkan hadiah wang tunai RM2,000 pula dimenangi oleh seorang pekerja swasta, **Mohd. Azrul Muhammad Isa**, 34, selepas menaikkan ikan keli seberat 4.97 kg.

Tempat ketiga pula menjadi milik **Azizan Ahmad**, 39, yang berjaya menaikkan ikan keli seberat 4.09 kg. Beliau membawa pulang wang tunai RM1,500.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh Pengarang *Utusan Malaysia*, **Datuk Hassan Mohd. Noor**. Turut

hadir **Pengurus Besar Pemasaran dan Pengedaran Utusan Melayu (M) Berhad**, **Rosman Zulkifli**, **Pengurus Acara dan Tajaan Wilayah F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd.**, **Muhammad Fauzi Ahmad** dan **Setiausaha Jawatankuasa Pelaksana Majlis Konvo USIM**, **Ahmad Nazmee Adnan**.

Pertandingan berkenan turut mendapat sokongan **EST Cola** dan **Adabi** sebagai rakan strategik.

Mohd. Abdullah berkata, dia tidak menyangka cubaannya kali ini membuah hasil yang tidak diduga.

"Saya bersyukur dan mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur atas pertandingan ini," katanya di sini hari ini.

Mohd. Azrul pula berkata, beliau menyertai pertandingan itu hanya untuk 'main-main' kerana diajak oleh ahli keluarganya.

"Memang saya minat memancing tetapi tidak terfikir pula untuk membawa pulang hadiah ini," katanya.



MOHD. ABDULLAH menunjukkan ikan patin yang berjaya dipancingnya.